



**MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT
KENYATAAN SEBUT HARGA**

Sebut Harga adalah dipelawa kepada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan bertaraf Bumiputera atau Bukan Bumiputera dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkara berikut :

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH / TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
MPS.600-8/1/39	PERKHIDMATAN MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KUPON LETAK KERETA JENIS BERGORES, PELEKAT PAS BULANAN LETAK KERETA DAN THERMAL ROLL KOMPAUN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT BAGI TAHUN 2019 / 2020	221604 Mencetak Label, Poster Dan Pelekat (Plastik) (Perlu Lesen KDN) Dan 221607 Cetakan Keselamatan (Perlu Lesen KDN)	TARIKH 13 MAC 2019 (RABU) HINGGA 20 MAC 2019 (RABU) TEMPAT MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT	20 MAC 2019 (RABU) JAM 12.00 TENGAHARI

- Dokumen sebut harga akan dijual seperti tarikh di atas pada waktu pejabat bermula jam **8.30 pagi hingga 2.30 petang (Ahad hingga Khamis)** dengan harga **RM 50.00** senaskhah. Bayaran hendaklah dibuat di Kaunter Bayaran Majlis Perbandaran Segamat.
- Pembekal / Syarikat yang ingin membeli dokumen Sebut Harga dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai pembekal dengan Majlis Perbandaran Segamat.
- Dokumen Sebut Harga hanya dijual kepada syarikat yang mengemukakan sijil asal Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan) dalam kod bidang seperti di atas, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia (Bekalan/Perkhidmatan), Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang masih sah tempoh lakunya, dan Lesen Cetakan Keselamatan daripada Kementerian Dalam Negeri serta menyerahkan satu salinan sijil-sijil berkenaan.
- Dokumen Sebut Harga yang telah disempurnakan, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan di alamatkan kepada **Yang Dipertua Majlis Perbandaran Segamat, No.1, Jalan Abdullah, 85000 Segamat, Johor** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di pejabat Majlis Perbandaran Segamat sebelum atau pada **20 Mac 2019 selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari**. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya Yang Menjalankan Amanah


(MOHD MASNI BIN WAKIMAN)
 Yang Dipertua,
 Majlis Perbandaran Segamat